

Jadi tarikan utama menerusi 18 acara mengikut citarasa orang muda

Perkampungan Warna-Warni Belia

Oleh HASHNAN ABDULLAH
utusanputrajaya@utusan.com.my

PUTRAJAYA 23 Mei - Segmen Perkampungan Warna-Warni Belia Malaysia sempena sambutan Festival Belia Putrajaya 2013 di sini dijangka menjadi tumpuan utama golongan muda.

Ketua Penerangan Majlis Belia Malaysia, Hasnul Fairuz Hushin Amri berkata, jangkaan tersebut kerana 18 acara yang disusun dalam program tersebut merupakan hasil cetusan idea dan kehendak golongan belia sendiri.

Katanya, antara acara yang bakal menjadi tumpuan adalah segmen Ekspresi Mahasiswa, Putrajaya Berselawat, Akrobatik Cina, Malam Kenduri Puisi, Festival Seni Mempertahankan Diri dan Dikir Karoot Komedia.

“Walaupun acara yang disusun itu berkorak hiburan tetapi kami mahu memberi pendedahan kepada para belia bagaimana hiburan tersebut boleh membawa ke arah kebaikan.

“Sebab itulah, tema program tersebut kali ini adalah Berhibur Sambil Belajar,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di tapak Perkampungan Warna-Warni Belia Malaysia, Presint 2 di sini



KANAK-KANAK dari Generasi Education Putrajaya tekun mewarna dalam pertandingan mewarna lukisan pada Festival Belia Putrajaya 2013 di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

hari ini.

Festival Belia Putrajaya 2013 diadakan selama empat hari bermula hari ini.

Seramai 1,600 belia, termasuk 600 ma-

hasiswa dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) terlibat secara langsung dalam program

tersebut.

Acara lain adalah Persembahan Pancaragam, Simfoni Muzik Tradisional, Wayang Kulit, Demonstrasi Paluan Genda-

Walaupun acara yang disusun itu bercorak hiburan tetapi kami mahu memberi pendedahan kepada para belia bagaimana hiburan tersebut boleh membawa ke arah kebaikan

HASNUL FAIRUZ HUSHIN AMRI
Ketua Penerangan Majlis Belia Malaysia

ngan Tradisional, Tarian Cina, Gendang Cina, Perkusigatra, Mak Yong, Perkumpulan Gendang Seni Singapura, Tai Chi, Dikir Barat Kreatif dan Chinese Yoyo.

Hasnul Fairuz berkata, acara kemuncak program tersebut adalah Malam Kenduri Puisi yang dijangka dihadiri oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin di sini pada malam esok bermula pukul 9 malam.

Beliau berkata, apa yang menarik acara tersebut bukan hanya disertai oleh 30 orang belia terpilih tetapi juga penyanyi terkenal, Ramli Sarip dan kumpulan Nadi Singapura.

“Khairy juga dijangka membaca atau sajak pada acara tersebut,” katanya.